

**SOALAN NO.: 19**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI**  
**HABIBOLLAH**  
**KAWASAN : LIMBANG**  
**TARIKH : 25 JULAI 2017, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status perbincangan kemungkinan laluan "seamless' di antara Negara Brunei dan Wilayah Sarawak dan Sabah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan daripada perbincangan yang diadakan oleh Malaysia dan Brunei Darussalam, Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Dalam Negeri telah mengenalpasti dan melaksanakan beberapa inisiatif berhubung perjalanan *seamless* (*seamless travel*) antara Negeri Sarawak dan Sabah melalui Negara Brunei Darussalam.

Bagi Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab dalam pembinaan infrastruktur jalan, pelaksanaan Fasa 2 Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dijangka akan dilaksanakan seawal tahun 2018 yang merentasi Negara Brunei Darussalam bakal mengurangkan kos dan tempoh perjalanan bagi pengguna jalan raya untuk ke Sabah dan Sarawak melalui Brunei Darussalam.

Sekian, terima kasih.